

**UCAPAN DASAR SDR. DR. DOMINIC LAU HOE CHAI  
PRESIDEN NASIONAL PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA  
(GERAKAN)**  
**PERSIDANGAN PERWAKILAN NASIONAL KE-49, 2020**  
**SABTU, 13 MAC 2021**

**TEMA: SATU HATI, GERAK BERSAMA**

Saudara dan Saudari, Para Perwakilan sekalian,

Selamat pagi dan salam Satu Hati kepada semua rakan-rakan seperjuangan GERAKAN yang kini bersama kita secara dalam talian dan juga mengalu-alukan kehadiran Mantan Presiden Nasional Saudara Dr. Koh Tsu Koon dan Saudara Mah Siew Keong yang bersama kita secara online, Ahli-ahli Jawatankuasa Pusat, Wanita dan Pemuda yang hadir secara fizikal pada pagi yang mulia ini. Saya juga difahamkan bahawa terdapat wakil media yang turut bersama dengan kita secara fizikal dan dalam talian, selamat datang kepada anda semua ke Persidangan Perwakilan Nasional yang ke-49.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada YAB Penggerusi Perikatan Nasional, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang sudi merasmikan persidangan kita pagi ini. Maklum diketahui bahawa beliau baru sahaja pulang dari lawatan rasminya ke Arab Saudi. Lawatan yang penuh signifikan dan berjaya membawa beberapa faedah penting kepada negara antaranya penambahan 10,000 kuota haji yang kini menjadikan jumlah keseluruhan kepada 41,600 orang. Tahniah, YAB Tan Sri!

Marilah kita memulakan persidangan pada pagi ini dengan rasa syukur yang sebenar-benarnya kepada Tuhan Yang Maha Berkuasa. Persidangan kali ini adalah yang ke-49, yang sepatutnya diadakan pada tahun lepas, namun ditolak ke hari ini disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang melanda negara dan seluruh dunia. Persidangan pada tahun ini juga diadakan dengan kaedah norma baharu secara

dalam talian. Pelbagai perubahan, ada yang baik dan ada yang kurang baik, yang penting kita dapat menerimanya dengan hati yang terbuka dan meneruskan perjuangan kita ke arah kegemilangan.

Persidangan Perwakilan Nasional yang ke-49 ini agak unik, bukan hanya kerana ianya diadakan secara dalam talian, kali ini kita merupakan parti komponen sebuah gagasan politik baru iaitu Perikatan Nasional. Saya pasti, para perwakilan sedia maklum bahawa pada bulan lalu, Februari 2021, Parti Gerakan Rakyat Malaysia telah mengambil keputusan untuk berganding bahu bersama kepimpinan YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin dan menerima keanggotaan parti dalam Perikatan Nasional. Kini, secara rasminya GERAKAN merupakan salah satu parti komponen dalam Perikatan Nasional.

#### **A. CABARAN COVID-19 DAN KERAJAAN PERIKATAN NASIONAL**

- A1. Saudara dan Saudari, tahun 2020, negara dan dunia teramat sibuk dengan cabaran utama ke atas umat manusia, COVID-19 mencabar kesihatan awam sedunia. Pelbagai usaha dilakukan oleh negara dunia, ada yang berjaya mengekang penularan, ada yang sedang bertungkus-lumus memeranginya dan ada negara yang gagal dalam usahanya. Malaysia pada masa itu bukan saja menghadapi wabak pandemik, malah berlakunya sebuah perubahan kepimpinan negara, setelah berjaya membuktikan majoriti, Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong memperkenankan perlantikan YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri Malaysia yang baru.
  
- A2. Terlalu banyak isu berbangkit, dari perletakan jawatan mengejut perdana menteri terdahulu, tuntutan majoriti palsu oleh pembangkang, dan rakyat gelisah dengan cabaran pandemik yang secara langsung menggugat kesihatan awam sedunia. Apatah lagi, kerajaan baru tersebut perlu mengemudi segala tenaganya dalam memerangi pandemik COVID-19. Pada awalnya, terdapat pelbagai persoalan terhadap kebolehan sebuah gabungan politik yang baru ini. Yang pasti, bukan senang caranya. Apa yang mengagumkan kita semua, YAB Tan Sri Perdana Menteri dan Jemaah

Menterinya berjaya membuktikan bahawa ketelusan dalam pengurusan dan dasar berpaksikan rakyat mampu menjana kesejahteraan rakyat dan negara.

- A3. Pelbagai pakej rangsangan, pakej bantuan, berbilion ringgit disalurkan kepada orang ramai, bantuan geran kepada perniagaan kecil dan sederhana, dan pembelian vaksin dari beberapa pengeluar diutamakan. Perdana Menteri juga tidak teragak-agak dalam membantu rakyat secara langsung, juga tidak berpolitik dalam perkara yang melibatkan kebijakan rakyat. Inilah kepimpinan yang kita perlukan, inilah contoh yang terbaik untuk sesebuah institusi kerajaan.
- A4. GERAKAN mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih ke atas kebijaksanaan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong yang mengambil pendirian berkecuali dan menentukan pengganti perdana menteri mengikut majoriti ahli dewan rakyat, berdasarkan perlembagaan persekutuan. Daulat Tuanku!

**B. GERAKAN SERTAI PERIKATAN NASIONAL**

- B1. Melalui analisa-analisa ini, serta adaptasikan anjakan politik negara, kepimpinan pusat GERAKAN telah membuat keputusan yang pada hemat saya terbaik dengan menjalinkan persahabatan bersama Perikatan Nasional. Pada tanggal 11<sup>hb</sup> Februari 2021, Parti Gerakan Rakyat Malaysia secara rasmi menerima watikah sebagai anggota parti Perikatan Nasional.
- B2. Ini adalah sebuah keputusan yang tepat dan mantap untuk parti dan kita kekal relevan dalam arus perdana politik. Saya faham, banyak persoalan dilontarkan oleh ahli akar umbi berhubung perkara ini. Saya dan Jawatankuasa Pusat telah menggunakan segala platform yang ada dalam usaha menerangkan kepentingan tindakan ini. Kita juga telah berhubung dengan setiap Badan Perhubungan Negeri dan mengambil tanggungjawab menerangkan perubahan carta politik parti.
- B3. Sebagai sebuah gabungan yang baru, Perikatan Nasional penuh dengan kepastian dan ia akan memberi peluang kepada kita untuk perform,

berkhidmat kepada rakyat. Kita perlu mengambil pendekatan untuk menjelaskan kepada ahli kita akan kepastian-kepastian ini. Kita di peringkat Pusat, Negeri, Wanita, Pemuda, Bahagian dan Cawangan perlu berganding bahu memastikan bahawa setiap penerangan dan tindakan pusat disalurkan secara betul, padat dan menyeluruh kepada akar umbi. Semua ahli parti dan penyokong wajar untuk mendapat penerangan yang secukupnya berkenaan dengan hal ehwal parti.

### C. TIGA TAHAP PERALIHAN GERAKAN

- C1. Revolusi pertama bagi parti kita adalah penubuhannya, di mana beberapa para intelektual bersatu menubuhkan sebuah parti yang mampu bersaing secara matang, berhemah dan berkecuali dari politik perkauman dalam persada politik negara pada tahun 1968. Revolusi kedua yang diambil oleh parti adalah pada tahun 1973, GERAKAN menyertai Barisan Nasional. Ini sebagai langkah progresif pada masa itu yang memerlukan pendekatan kesederhanaan dalam politik negara. GERAKAN berpendapat pentingnya untuk bekerjasama dengan BN dan sekutunya dalam usaha menyediakan sebuah kerajaan rakyat. Apa yang berlaku bermula 2008 hingga 2018, selama 10 tahun, GERAKAN dianggap tidak lagi mewakili rakyat dan mula ditolak. Antara sebab utamanya adalah fitnah dan pembohongan parti lawan, DAP dan Pakatan Harapan!
- C2. Pada tahun 2018, setelah mendengar penjelasan, pendapat dan cadangan ahli parti, kita memutuskan untuk keluar dari bayangan Barisan Nasional dan memulakan proses *rebranding, renewal* dan *reapproaches*. Kita mengenal-pasti kelemahan dalaman dan cara untuk mengatasinya. Sejurus selepasnya, setelah penelitian yang berdasarkan praktikal bahawa tiada satu parti di Malaysia yang boleh berpolitik sendirian tanpa sokongan yang lain, dan yang amat penting dalam mengekalkan kerelevanan parti, kita perlu bekerjasama dengan mana-mana organisasi politik yang mampu membekalkan pemahaman kesederhanaan dalam agenda politiknya.
- C3. Tanggal Februari 2021, revolusi ketiga yang juga boleh dikatakan revolusi GERAKAN dalam politik tanah air dimeteraikan melalui perjanjian

pemahaman dan jalinan persahabatan bersama Perikatan Nasional dengan menjadi anggota parti dalam gabungan tersebut. Kita percaya bahawa Tan Sri Muhyiddin Yassin mampu memberi sebuah kerajaan ‘demi rakyat’ dan tidak campur tangan dalam sistem kehakiman negara.

- C4. Kini, keputusan telahpun dibuat, sebagai rakan dalam Perikatan Nasional, bagaimana kita hendak ke hadapan dalam politik negara? Apakah acuan yang akan kita guna-pakai dalam mendekati rakyat? Persoalan ini penting bukan hanya untuk pemimpin di pusat, malah ianya teramat penting untuk ahli di peringkat akar umbi yang berperanan sebagai duta parti dalam kalangan rakyat. Saudara dan saudari sekalian, tetapkan fokus, maju ke hadapan, pimpin revolusi pemerkasaan ini. Bersatu kita memimpin kegemilangan!

#### **D. KEKAL RELEVAN DALAM POLITIK MALAYSIA**

- D1. Sejak jadi perubahan iklim politik dunia, politik tanahair juga telah berubah pesat. Ianya bukan lagi politik lama ataupun tradisional yang kita amalkan lebih 4 dekad yang lalu. Politik hari ini berbeza dan mampu memberi pilihan yang terbaik kepada rakyat. Sebagai sebuah parti politik, GERAKAN perlu mengadaptasikan perubahan ini. Terima perubahan atau tertinggal, itulah pilihan yang kita ada.
- D2. Saya menasihati ahli-ahli sekalian untuk lupakan konsep kerusi tradisional, kawasan parti itu, parti ini. Tiada lagi kerusi tradisional, tiada lagi Tai-ko. GERAKAN akan menentukan segala caranya tersendiri dan akan bekerjasama dengan Perikatan Nasional dalam mengemudi sokongan rakyat Malaysia. Ingat, perubahan itu penting dan pasti, kita perlulah bergerak seiring dengan perubahan tersebut. Jika tidak, kita akan tertinggal.
- D3. Ahli parti juga perlu bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan dalam percaturan politik negara. Mungkin kita akan melihat pertandingan dalam kalangan parti komponen, parti politik membentuk gabungan pemerintah selepas pilihanraya, dan sebagainya. *In politics anything is possible.* Seperti yang umum diketahui, tiada yang mustahil dalam politik.

Jadi, bersedia lah wira dan wirawati GERAKAN, bersedia lah untuk menempur segala kemungkinan!

#### E. STRATEGI GERAKAN DALAM POLITIK NORMA BAHRU

- E1. Dalam politik, kita perlukan strategi untuk merangka dan memacu kemenangan. Kita perlukan strategi dalam menjana penglibatan yang berkesan. Maka, setiap tahap dalam parti, dari Pusat ke Cawangan perlu merangka strategi-strategi yang bersesuaian, yang mampu menggerak parti ke arah kemenangan, dan yang setia kepada ideologi parti kita. Saya menyeru semua ahli parti untuk terus bersatu, menyumbang kepada pembangunan parti. Inilah masanya, jangan leka atau cuai dalam urusan parti. Kita lahir parti, dan GERAKAN adalah kita. Setiap rancangan yang bakal kita uruskan perlulah mengutamakan kemenangan parti. Sebagai presiden nasional, saya akan bersama dengan anda semua dalam perjuangan parti demi rakyat.
- E2. Seperti yang saya tekankan sebelum ini, kita perlu utamakan norma baharu dalam perubahan pesat politik. Kita perlu merangka pendekatan *value innovation* yang mampu membimbing para penyokong mendekati orang ramai. Nilai inovasi yang dimaksudkan bersasarkan keperluan dan kehendak politik semasa. Rakyat tidak lagi suka ahli politik yang hanya melabur janji, rakyat kurang senang dengan manifesto kosong. Apa yang rakyat mahukan adalah ‘action’. Rakyat ingin melihat ‘result’.
- E3. ‘Action and Result’ ini adalah penting dalam politik baru. Kita perlu menerangkan kepada orang ramai, menjelaskan kepada para pengundi mengenai inisiatif-inisiatif kerajaan yang berpaksikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Ahli parti perlu menjadi perantara dalam membawa maksud kerajaan Perikatan Nasional kepada orang ramai. Jelaskan kepada rakyat, tambahkan pengetahuan berhubung pelan, rancangan, tindakan dan keberkesanan program-program kerajaan.
- E4. Setiap lapisan ahli dari cawangan ke pusat perlu berinteraksi, bersatu dan menyampaikan agenda kerajaan kepada umum. Saudara dan saudari,

pertempuran dalam pilihanraya umum yang akan datang bukan hanya penting untuk Perikatan Nasional, ianya teramat penting untuk Parti Gerakan Rakyat Malaysia. Ianya akan menentukan realiti kita dalam arus perdana politik negara.

- E5. Saya juga menyeru ahli parti untuk menggunakan pendekatan-pendekatan seperti teknologi maklumat, aplikasi-aplikasi yang kini popular dalam kalangan netizen, mengadakan diskusi secara dalam talian dan sebagainya dalam usaha menerangkan ketekunan parti dan inisiatif kerajaan. Jangan sesekali abaikan kepesatan teknologi dalam mendekati rakyat.

#### F. GERAKAN SEBAGAI ANGGOTA PARTI DALAM GABUNGAN PN

- F1. Masih terdapat persoalan berhubung tindakan pimpinan parti menyertai Perikatan Nasional. Saya dikhabarkan adanya ahli yang kurang faham ataupun ragu-ragu dengan tindakan pusat. Saya faham keprihatinan dan perhatian anda sekalian. Saya mengambil keputusan untuk menjelaskan semula, sekali lagi bahawa keputusan menyertai Perikatan Nasional diambil secara demokratik, setelah berbincang dengan setiap lapisan kepimpinan dan mengambil kira keperluan semasa dalam arus perdana politik negara.
- F2. Ideologi dan pemahaman kita diterima baik oleh rakan-rakan dalam Perikatan Nasional. Kita berada dalam landasan yang sama berfokuskan kesejahteraan rakyat. Usaha parti dalam hal-hal yang berkaitan dengan kestabilan politik, perlindungan kepada semua rakyat, keperluan kesaksamaan dalam pemerintahan, integrasi kebudayaan dalam mewujudkan sebuah negara yang berjaya, kerajaan yang bebas korupsi dan sebagainya diterima baik, ia menunjukkan PN sebagai sebuah gagasan baru dalam politik negara yang berpaksikan rakyat.
- F3. Selain itu, kita perlu faham bahawa Perikatan Nasional bukan seperti gabungan-gabungan politik yang lain. Kita ambil contoh Pakatan Harapan, matlamat utamanya adalah untuk menjadikan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai perdana menteri, dah lebih 20 tahun, kitaran yang sama. Mereka tidak peduli rakyat dan kebijakannya. Visi Pakatan Harapan secara 'strong,

*'formidable, convincing'* adalah duduk atas kerusi perdana menteri. Inilah politik mereka.

- F4. Sebaliknya, pembentukan Perikatan Nasional adalah semata-matanya untuk menyelamatkan negara daripada yang tamak dan gila kuasa menduduki tampuk pemerintahan. Perikatan Nasional ditubuhkan demi rakyat, untuk memelihara kesejahteraan rakyat dan menjadi pilihan terbaik dalam politik semasa. Tiada rasuah, tiada skandal, tiada politik keluarga dan tiada muka yang sama.

#### **G. PIAGAM MADINAH, ISLAM DAN RAKAN POLITIK**

- G1. Dengan merujuk kepada Piagam Madinah yang merupakan perlembagaan bertulis tertua di dunia, Nabi Muhamad SAW merangka piagam tersebut dengan memberi perhatian kepada setiap lapisan masyarakat yang berada di Madinah pada masa itu. Kesaksamaan menjadi asas dalam penelitian Baginda. Ia menunjukkan betapa adilnya pendekatan Baginda dan Islam menjaga masyarakat pelbagai keturunan dalam sebuah negara baru. Saya pasti, dengan gabungan Perikatan Nasional, kita dapat memberikan kesaksamaan dan pendekatan sedemikian dalam urusan kemasyarakatan dan pembangunan negara.
- G2. Saya yakin persahabatan kita dengan BERSATU, PAS, STAR dan SAPP dapat mewujudkan sebuah perwakilan rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat. Kita juga perlu menjelaskan kepada orang ramai betapa pentingnya kita sebagai rakyat memilih sebuah pemerintahan yang bebas daripada sebarang tamparan. Kita perlukan kerajaan yang mampu memacu pembangunan secara keseluruhan. Jawapan yang kita ada sekarang adalah; Perikatan Nasional. Tiada gabungan yang mampu menyediakan pemerintahan yang beragendakan rakyat.

#### **H. BERPRINSIP DAN TEGUH BERSAMA RAKYAT**

- H1. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan anda semua bahawa penyertaan GERAKAN ke dalam Perikatan Nasional adalah dengan

mengekalkan pemahaman parti kita yang tidak berdasarkan etnik ataupun perkauman. Kita hanya mementingkan konsep Anak Malaysia dan berkhidmat kepada semua tanpa mengira sebarang latar-belakang. Tidak kira dari wilayah mana, tidak kira kaum mana, dan bahasanya, kita sedia berkhidmat. Itulah sumpah setia parti!

- H2. GERAKAN juga akan memastikan bahawa peranan kita dalam Perikatan Nasional lebih menyerlah dan akan sentiasa membimbing agenda inklusif dan kesederhanaan dalam segala pendekatan kita. Ingat, kita bukan parti hiasan dalam Perikatan Nasional, kita adalah parti yang akan berganding bahu seiring dengan yang lain dalam merealisasikan konsep keMalaysiaan.

## I. **AYUH, BERSIAP – SEDIA MENGHADAPI PILIHANRAYA UMUM KE-15!**

- I1. Wira dan Wirawati GERAKAN, pilihanraya umum yang akan datang merupakan medan pertempuran yang teramat penting untuk kita semua. Bersedialah wahai wira dan wirawati parti, marilah kita menentang sekeras-kerasnya pihak lawan, bertempurlah kita dalam medan pilihanraya dan membawa kejayaan kepada parti dan perikatan. Jadikannya sebagai janji kita kepada parti. Jangan terlena, jangan ambil mudah! Bersiap-sedia, ayuh bersama parti!
- I2. Yang kita ada sekarang adalah tenaga, kejujuran dan kesetiaan untuk berkhidmat kepada rakyat. Jadikannya sebagai manifesto kita kepada rakyat. Terangkan kepada orang ramai bahawa GERAKAN adalah sebuah parti yang tidak terkait dalam sebarang skandal, bebas rasuah dan pernah mentadbir kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan telus dan amanah selama hampir 4 dekad. Ahli parti, tak kira muda ataupun tua, profesional atau tidak, lama atau baru, ambillah pendekatan sebagai duta penerangan parti. Jumpa sebanyak orang yang mungkin, terangkan posisi parti, pencapaian parti, dan bagaimana kita akan merealisasikan kerajaan rakyat jika diberi sokongan. Penerangan itu penting, penerangan itu mampu mengubah persepsi, penerangan itu dapat menjana kejayaan!

- I3. Jelaskan juga kepada rakyat pembohongan, ketamakan, dan segala kucar-kacir yang ditimbulkan oleh Pakatan Harapan. Pemerintahan 22 bulan Pakatan Harapan seolah-olah seperti diktator, tiada siapa yang boleh menyoal, dan menteri-menterinya pula penuh dengan sikap angkuh dan tidak kisah kebaikan rakyat.

**J. UNDI MUDA**

- J1. Kita sedia maklum bahawa kemungkinan besar akan adanya penambahan jumlah pengundi muda dalam pilihanraya akan datang, terutamanya mereka yang berumur 18 tahun dan ke atas. Mereka akan diberi ruang untuk memilih perwakilan mereka ke Dewan Undangan Negeri dan Dewan Rakyat. Parti GERAKAN mengalu-alukan penambahbaikan yang bakal memberi hak demokrasi mengundi kepada belia seawal 18 tahun.
- J2. Seiring dengan perubahan umur mengundi ini, GERAKAN akan memohon kementerian dan agensi kerajaan berkaitan untuk membekalkan pengetahuan dan penerangan berhubung hak mengundi, sistem demokrasi berparlimen dan fakta sesebuah perkara, bagaimana meneliti kebenaran sesuatu perkara dan sebagainya bermula di peringkat sekolah menengah.
- J3. GERAKAN juga menyeru ahli parti sekalian untuk mendekati warga muda, pengundi pertama dan membekalkan mereka dengan penerangan berkaitan inisiatif kerajaan, gerak kerja parti dan mengapa perlu memilih GERAKAN sebagai perwakilan mereka ke dalam sistem perundangan negara.
- J4. Sayap Pemuda parti juga perlu mengerahkan tenaga jenteranya dalam mendekati penyokong muda, para belia dan kumpulan siswazah. Pendekatan ini amat penting dalam proses meremajakan parti kita. Kita perlu faham akan keperluan dan kehendak golongan belia, dan kita tidak boleh mengabaikan mereka. Kepimpinan belia bukan hanya untuk masa depan, tetapi juga untuk masa sekarang dan menjadi tanggungjawab kita untuk membekalkan sebuah platform yang kukuh dan nyata kepada mereka.

#### K. IMPIAN 100 TAHUN MALAYSIA MERDEKA

- K1. Pada tahun 2057, Malaysia akan melangkah ke-100 tahun Merdeka. Tentunya kita semua akan ada impian yang tersendiri untuk negara. GERAKAN percaya bahawa 100 tahun Malaysia merdeka perlulah memenuhi beberapa aspek terutamanya dalam keseragaman konsep keMalaysiaan, pendidikan yang berkualiti tinggi, penjagaan alam sekitar yang bertanggungjawab, dan setiap kajian serta penelitian antarabangsa terhadap negara berada dalam paras yang terbaik.
- K2. Kita ingin melihat sebuah identiti seragam bagi seluruh rakyat, dengan menekankan konsep keMalaysiaan, bersesuaian dengan Dasar Perpaduan Negara yang diumumkan oleh kerajaan pada bulan lalu, semangat patriotik dalam kalangan rakyat Malaysia perlu diterapkan, diutamakan dan dijadikan sebagai identiti utama warganegara Malaysia. Bahasa Malaysia dijadikan sebagai landasan komunikasi, dimartabatkan dan setiap kita mengutamakan agenda keMalaysiaan dalam urusan harian.
- K3. Selain itu, pendidikan yang terbaik perlu dijadikan *milestone* termasuk pencapaian kedudukan institusi pengajian tinggi kita dalam 20 yang terbaik di dunia secara keseluruhan dengan mutu kualiti pengajaran yang tinggi, dapat menerbitkan kertas kajian yang berkualiti dan bersasar, dan reputasi pensyarah dan universiti dengan kelayakan yang tidak dikompromi. Negara arif dalam peredaran teknologi maklumat dan setiap anak Malaysia, tidak kira latar-belakangnya mendapat akses kepada pendidikan berkualiti perlu dicapai. Malaysia juga perlu mencapai 100% kadar literasi dan berdiri megah seiring dengan negara maju dengan mengambil kira penetapan kadar oleh UNESCO.
- K4. Perubahan iklim yang sangat ketara boleh mengancam kepada ketidakstabilan persekitaran kita. Kesannya terlalu parah dan boleh memanaskan bumi dan lautan serta mengakibatkan kenaikan paras laut dan sebagainya. Dengan merujuk kepada agenda-agenda yang diketengahkan melalui *Paris Climate Agreement* dalam mengukuhkan keseragaman dalam tindak balas ke atas ancaman perubahan iklim, Malaysia dalam 36 tahun yang akan

datang perlu membekalkan alam sekitar yang bersih, melindungi hutan tropika, persekitaran yang selamat dan selesa, dan setiap pendekatan teknologi dan pembangunan infrastruktur perlu menerusi inovasi baharu yang lebih mesra alam.

- K5. Walaupun metodologi yang diguna-pakai oleh institusi-institusi antarabangsa berbeza dan dirangka dengan menepati pemahaman barat dalam ketetapan kedudukan indeks kajian, Malaysia pada tahun 2057 perlu memastikan indeks-indeks yang berkaitan dengan persepsi rasuah, hak asasi manusia, kebebasan media dan Laporan Kebahagiaan Dunia yang diumumkan melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mendapat kedudukan yang terbaik dan dijadikan sebagai panduan kepada yang lain.
- K6. GERAKAN akan menentang sekeras-kerasnya gejala rasuah. Dalam meningkatkan keberkesanan kita dalam persepsi indeks rasuah, Kerajaan Perikatan Nasional akan mengutamakan zero tolerance rasuah bermula dari penjawat awam, swasta dan kepada rakyat. Sebuah negara yang baik untuk diduduki adalah berpaksikan kepada keberkesanan ketelusan dalam sistem negaranya. Dengan telusnya sistem negara, setiap indeks persepsi akan berada pada tahap yang terbaik.
- K7. Dalam usaha melihat Malaysia antara negara terbaik dalam persada dunia, adanya beberapa perkara yang perlu kita terapkan iaitu Keluaran Dalam Negara Kasar yang kukuh, Pendapatan Per Kapita yang tinggi, keharmonian inklusif seperti rakyat yang mengutamakan kebudayaan dan bertaatkan setiakan negara, pemerintahan yang menghormati hak asasi manusia, alam sekitar yang bertanggungjawab, kesaksamaan jantina, kebebasan beragama, dan kuasa politik yang bertanggungjawab dan berdasarkan kepada tiang demokrasi. Rakyat yang berpendidikan, inovatif, dan pembangunan teknologi dan infrastruktur yang memberangsangkan. Kesemua ini perlu dijadikan tiang pengukur untuk kita menduduki status negara terbaik. Setiap komponen di atas perlu kita capai secara keseluruhan dan menjadikannya asas kepada sebuah Negara Malaysia.

K8. Untuk mencapai kesemua impian di atas, kita memerlukan sebuah kerajaan yang stabil, yang mementingkan pembangunan sosial-ekonomi dan berperanan sebagai wakil rakyat secara langsung dalam pembangunan negara. Perikatan Nasional adalah kerajaan yang dimaksudkan. Gabungan ini amat unik, yang mementingkan keperluan rakyat melebihi kehendak politik, dan pastinya kepimpinan Perdana Menteri YAB Tan Sri Muhyiddin akan merangka sebuah impian yang cemerlang untuk negara tercinta ini.

## **KESIMPULAN**

Saudara dan Saudari, para Perwakilan yang saya kasihi,

Ahkir kata, marilah kita kerahkan tenaga ke arah menggerakkan parti kita. Kita semua adalah wakil parti, sekali lagi saya ingin nyatakan bahawa kegemilangan dan kejayaan parti adalah tanggungjawab bersama kita. Sebagai wakil parti, bersedia lah untuk mendekati belia, wanita, setiap lapisan masyarakat dan jelaskan peranan GERAKAN dalam institusi negara, dan pentingnya kerjasama dan sokongan orang ramai dalam usaha GERAKAN merealisasikan agenda keMalaysiaan.

Dengan ini, saya memulakan ‘PERSIDANGAN PERWAKILAN NASIONAL KE-49’. Semoga Tuhan memberkati perjuangan kita.

**SATU HATI!**

**SATU HATI!**

**SATU HATI!**

Sekian, terima kasih.